

TARIKH	9 / 12 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	18	RUANGAN	NASIONAL

Seminar kerjaya TH bantu persiap diri

» Pelajar UiTM diberi panduan masuki alam pekerjaan

Oleh Muhammad Hatim Ab Manan
bhnews@bharian.com.my

Alor Gajah

Penuntut Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Melaka, Lendu di sini, menyambut baik penganjuran Seminar Kerjaya Taha@U di institut pengajian tinggi itu, semalam.

Mereka menyifatkan program berkenaan tepat pada masanya untuk membantu mendapatkan lebih banyak maklumat bagi mempersiapkan diri sebelum memasuki alam pekerjaan.

Pelajar semester lima Diploma Pengurusan Hotel dan Pelancongan, Noor Yuzlianie Mohd Yusof, 20, teruja dengan pengalaman baru yang diperoleh, malah menganggap pe-



Kebanyakan mahasiswa sering anggap remeh soal temu duga sedangkan kesilapan gerak tubuh juga boleh menyebabkan mereka tidak diambil bekerja”

Azmeer Samian,
Pelajar UiTM

nyertaannya sebagai berbaloi.

“Program ini bukan saja meningkatkan keyakinan diri, tetapi menambah ilmu mengenai cara berkomunikasi dan penulisan resume yang penting da-

lam menentukan kejayaan mendapat pekerjaan,” katanya.

Bagi pelajar semester akhir Diploma Pengurusan Perniagaan, Muhammad Azmeer Samian, 20, aktiviti seperti itu meningkatkan kemahiran diri sebagai mahasiswa termasuk cara menghadapi temu duga.

Isu temu duga

“Kebanyakan mahasiswa sering menganggap remeh soal temu duga sedangkan kesilapan gerak tubuh juga boleh menyebabkan mereka tidak diambil bekerja,” katanya.


Program sehari anjuran Lembaga Tabung Haji (TH) dan Berita Harian (BH) disertai seramai 1,500 pelajar semester lima dan enam universiti berkenaan.

Antara aktiviti yang diadakan termasuk ceramah kerjaya dan motivasi, penulisan resume, pendaftaran dan pembukaan akaun baru Taha@U ahliinya mencecah lebih 14,000 di Melaka, forum santai bertajuk ‘Media Baru dan Cabarannya’, selain berkongsi pengalaman bersama personaliti TV3, Ally Iskandar.

BERITA HARIAN

ILMU DAN MAKLUMAT

TARIKH	9 / 12 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	18	RUANGAN	NASIONAL



Ally berkongsi pengalaman bersama pelajar yang mengikuti Seminar Kerjaya TaHa@U di UiTM, Alor Gajah, Melaka.

[FOTO MUHAMMAD HATIM AB MANAN/BH]